



## **SIARAN MEDIA**

Untuk siaran segera

### **Great Eastern Takaful Menyampaikan Agihan Lebihan dan Keuntungan Pelaburan kepada Koperasi Tentera**

**25 Oktober 2022, Kuala Lumpur** – Berteraskan konsep Takaful iaitu saling membantu para peserta yang memerlukan, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) pada baru-baru ini telah mengagihkan lebihan pengunderaitan dan hasil keuntungan pelaburan daripada dana Tabarru' kepada Koperasi Tentera (KT) menerusi satu majlis bertempat di Wisma Koperasi Tentera.

Majlis tersebut menyaksikan penyerahan cek lebihan agihan tahun kewangan berakhir 2021 berjumlah RM2,142,965.71 dan cek lebihan agihan tahun kewangan berakhir 2020 berjumlah RM1,232,554.53 oleh Encik Shahrul Azlan Shahrman, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful kepada Brig Jen Roba'i bin Rahmat, Pengerusi Koperasi Tentera.

Penyerahan agihan lebihan ini adalah lambang komitmen Great Eastern Takaful terhadap Koperasi Tentera dengan menyediakan perlindungan patuh syariah yang melindungi para anggota yang terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia dan kakitangan awam yang bekerja di Kementerian Pertahanan.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, En. Shahrul Azlan Shahrman berkata, "Kami amat berbesar hati untuk mengagihkan lebihan perkongsian ini kepada Koperasi Tentera yang amat menitikberatkan kebajikan anggotanya. Kepercayaan yang diberikan kepada kami dalam menyediakan perlindungan kepada Koperasi Tentera amat kami hargai. Perkhidmatan yang kami sediakan bukan sekadar produk perlindungan kesihatan dan kewangan, malah ia adalah langkah untuk mencapai kejayaan bersama dengan nilai kerjasama dan saling membantu menurut syariat Islam."

Pengerusi Koperasi Tentera, Brig Jen Roba'i bin Rahmat berkata, "Berpandukan misi untuk menjana peningkatan taraf sosio ekonomi dan kebajikan anggota, kami sentiasa kehadapan dalam memastikan anggota kami mendapat perlindungan kesihatan dan kewangan yang terbaik. Agihan lebihan ini juga mengukuhkan prestasi kewangan, pelaburan dan kerjasama baik antara Koperasi Tentera dan Great Eastern Takaful."

Perkongsian lebihan pengunderaitan ini dan keuntungan pelaburan ini adalah berdasarkan nisbah perkongsian yang dipersetujui antara peserta dan Great Eastern Takaful. Pengagihan perkongsian lebihan dana Tabarru' ini adalah selepas penolakan semua tuntutan yang perlu dibayar dan rizab. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, lebihan pengunderaitan yang akan diagihkan adalah RM38.1 juta yang terdiri daripada sumbangan oleh para peserta dengan tujuan untuk membantu antara satu sama

lain. Hasil daripada keuntungan pelaburan yang diperoleh daripada pulangan pelaburan dana Tabarru' yang akan diagihkan pula adalah berjumlah RM3.2 juta

Untuk maklumat lanjut:

Great Eastern Takaful - <https://www.greateasterntakaful.com/>

Koperasi Tentera - <https://www.katmb.com.my/bm/laman-utama/>

-TAMAT-

#### Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, syarikat ini telah berjaya melangkah jauh di mana ia dinamakan Best New Islamic Institution pada 2011; Best New Takaful Institution pada 2012; dan Best Takaful Operator (Asia) pada 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad dianugerahkan Fastest Growing Takaful Company in Malaysia oleh International Finance, sebuah terbitan analisis dan perniagaan premium di United Kingdom dan Takaful Solutions Provider of the Year - South East Asia Award oleh Wealth & Finance International dari United Kingdom. Pada tahun 2020, Great Eastern Takaful dianugerahkan "Most Valuable Brand – Takaful Solutions" oleh The BrandLaureate BestBrands Awards 2020. Pada tahun yang sama, syarikat pengendali takaful ini juga dinobatkan sebagai penerima "CSR Initiative of 2020" oleh Insurance Asia Awards. Pada tahun 2021, Great Eastern Takaful telah memenangi "The BrandLaureate World Halal BestBrands e-Branding Awards 2021 – Brand of the Year – Takaful Solutions".

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

#### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Tel: +6016 209 2341 | MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com